



TERMA DAN SYARAT AM YANG TERPAKAI KEPADA SEMUA AKAUN DEPOSIT / PRODUK / PERKHIDMATAN

Terma dan syarat am berikut hendaklah digunakan untuk akaun depositori Bank dan beberapa kemudahan dan perkhidmatan perbankannya.

1. Pembukaan Akaun

- 1.1. Akaun hendaklah dibuka dengan tidak kurang daripada deposit tunai awal minimum seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Baki minimum seperti yang ditentukan oleh Bank hendaklah dikekalkan oleh Pelanggan bagi setiap jenis akaun selepas itu.
- 1.2. Penerimaan dan penerusan akaun dan produk/perkhidmatan hendaklah mengikut budi bicara Bank sepenuhnya dan Bank tidak akan terikat untuk mendedahkan sebab bagi apa-apa akaun yang tidak diterima, ditamatkan atau ditutup.

2. Deposit & Pengeluaran

- 2.1. Setelah deposit diterima oleh Bank, slip masuk wang (PIS) akan disahkan oleh mesin, dicap tarikh atau diterima secara manual di bawah tandatangan pegawai yang diberi kuasa oleh Bank. Salinan pendua PIS akan diberi kepada Pelanggan. Jika PIS disahkan oleh mesin, Pelanggan hendaklah menyemak sama ada butiran dicetak dengan betul atau tidak pada slip sebelum meninggalkan premis Bank. Jika terdapat apa-apa kesilapan, Pelanggan hendaklah melaporkannya dengan segera kepada Bank.

- 2.2. Apabila Bank menyediakan perkhidmatan / kemudahan khas melalui Mesin Deposit Tunai (CDM) / Mesin Deposit Cek (CQM) untuk menerima wang tunai dan cek, maka Pelanggan hendaklah mematuhi prosedur yang ditetapkan sepenuhnya.
- 2.3. Setiap deposit [sama ada dibuat melalui Mesin Deposit Cek (CQM), di kaunter atau Peti Serahan] akan hanya dianggap telah dibuat jika telah disahkan oleh kakitangan Bank, dijelaskan sewajarnya dan deposit tersebut dimasukkan ke dalam rekod Bank.
- 2.4. Bank berhak untuk enggan menerima kutipan cek dan surat cara monetari lain yang pada pendapat Bank di luar aturan dalam apa-apa cara atau yang tidak selaras dengan keperluan Syariah [bagi Akaun di bawah Perbankan Islam] atau yang mungkin telah diubah dalam apa jua cara tanpa mengambil kira perubahan tersebut mungkin telah ditandatangani balas oleh penyuruh bayar.
- 2.5. Semua cek dan surat cara monetari lain boleh diterima semasa kutipan dibuat tetapi hasil kutipan tidak akan dikreditkan/disediakan sehingga Bank menerima pembayaran bagi cek dan surat cara monetari lain yang sama yang didepositkan ke dalam akaun Pelanggan, namun tidak boleh, melainkan dengan pengaturan khas, dikeluarkan sehingga hasil kutipan diterima oleh Bank.
- 2.6. Bank berhak mendebitkan akaun Pelanggan dengan nilai cek yang sebelum ini dibeli / didiskaun atau dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan jika cek tersebut tak laku.
- 2.7. Cek yang diterima untuk kutipan tetapi tak laku boleh dikembalikan kepada Pelanggan atas risiko dan perbelanjaan Pelanggan sendiri. Bank boleh menolak untuk menerima apa-apa deposit atau

pengeluaran apabila berlaku kerosakan atau kegagalan sistem komputer dalam talian yang menjejaskan mana-mana Cawangan Bank, sama ada kerosakan atau kegagalan tersebut berlaku sepenuhnya atau sebahagiannya.

3. Akaun Bersama

- 3.1. Jika akaun dibuka dan dikekalkan secara bersama atau dengan lebih daripada satu nama, maka Pelanggan bersetuju bahawa jika mana-mana pemegang akaun meninggal dunia, maka Bank akan menyimpan wang itu ke dalam akaun mengikut urutan pemegang akaun yang masih hidup tanpa mengambil kira tuntutan mana-mana wakil yang sah, tanpa menjejaskan apa-apa hak Bank yang timbul daripada apa-apa lien, gadai janji, cagaran, sandaran, tolakan, tuntutan balas atau selainnya walau dengan apa cara sekali pun. Pembayaran kepada pemegang akaun yang masih hidup akan melepaskan tanggungjawab Bank sepenuhnya.
- 3.2. Dalam kes perkongsian, kebenaran pertama yang diberi akan terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan secara bertulis walau apa pun perubahan dalam perlembagaan atau nama syarikat atau apa-apa perubahan dalam keahlian syarikat akibat kematian, kebangkrapan, persaraan atau selainnya atau kemasukan mana-mana rakan kongsi baharu. Bank berhak menganggap rakan kongsi yang masih hidup atau rakan kongsi berterusan atau rakan kongsi yang pada masa itu mempunyai kuasa penuh untuk menjalankan perniagaan dan mengendalikan semua asetnya jika tidak ada perubahan pada syarikat.
- 3.3. Berhubung dengan Akaun Bersama, sama ada untuk melaksanakan mandat atau tidak, Bank boleh mengikut budi bicaranya untuk

menolak / menerima apa-apa cek yang tidak dibuat atas nama semua Pelanggan yang dinamakan.

- 3.4. Jika mana-mana satu pemegang akaun meninggal dunia, pemegang akaun yang masih hidup akan membenarkan bank menerima tandatangan secara bersesama atau berasingan pemegang akaun yang masih hidup sebagai mandat yang mencukupi untuk terus mengendalikan akaun, dan Bank tidak akan bertanggung terhadap apa-apa tuntutan daripada mana-mana pihak, yang mungkin timbul semasa menjalankan mandat tersebut.

4. Arahan

- 4.1. Pelanggan hendaklah memberikan kepada Bank senarai nama dan contoh tandatangan yang dibenarkan dan hendaklah dari semasa ke semasa memaklumkan secara bertulis tentang apa-apa perubahan, jika berkaitan, dengan satu salinan resolusi yang diperakui yang akan menjadi keterangan muktamad. Pelanggan hendaklah memastikan tandatangannya pada cek, arahan dan surat-menyurat dengan Bank adalah sama dengan tandatangan yang diberi dalam contoh tandatangan, jika Pelanggan gagal berbuat demikian, maka Bank mengikut budi bicara mutlaknya boleh menolak untuk bertindak ke atas perkara tersebut. Walau apa pun yang di atas, Bank berhak bertindak terhadap cek, arahan atau surat-menyurat daripada Pelanggan walaupun tandatangan Pelanggan berbeza daripada yang diberi dalam contoh tandatangan jika cek, arahan dan surat-menyurat itu, sebenarnya adalah daripada Pelanggan. Walau apa pun yang di atas, Bank tidak akan bertanggung terhadap apa-apa pematuhan atau kegagalan untuk mematuhi Pelanggan atau surat-menyurat berhubung dengan apa-apa cek atau surat cara perbankan.

4.2. **Akaun Dorman dan Wang Tak Dituntut**

Semua akaun tanpa urus niaga kewangan dalam tempoh 12 bulan atau lebih dikelaskan sebagai dorman.

5. **Caj Bank**

Senarai fi dan caj Bank untuk perkhidmatan depositori serta kemudahan dan perkhidmatan perbankan, seperti yang boleh dikenakan dan/atau disemak oleh Bank dari semasa ke semasa seperti yang dianggap sesuai, akan disediakan apabila diminta. Sila rujuk <http://www.affinbank.com.my/General/Tariff-Charges.aspx> untuk Tarif Caj terkini Affin Bank Berhad.

6. **Penyata**

Bagi akaun berasaskan penyata, penyata hendaklah diberikan sekali setiap sebulan atau mengikut kekerapan lain seumpamanya yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Penyata akaun tersebut adalah muktamad dan mengikat Pelanggan melainkan Bank dimaklumkan secara bertulis tentang apa-apa kesilapan / perkara yang di luar aturan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyata akaun itu.

7. **Tanggung rugi**

7.1. Pelanggan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank sepenuhnya dan keseluruhannya bagi semua tuntutan, ganti rugi, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman atas rundingan peguam cara dengan klien) dan semua liabiliti lain walau apa pun jenis atau keterangannya yang mungkin dibuat, diambil, ditanggung atau dialami oleh Bank yang berkaitan

dengan atau dalam apa-apa cara yang timbul daripada apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh Bank menurut Terma dan Syarat ini atau menerima apa-apa arahan yang diberikan oleh Pelanggan atau Pelanggan melanggar apa-apa peruntukan dalam Terma dan Syarat ini. Liabiliti Pelanggan akan menjadi liabiliti berterusan dan akan terus berkuat kuasa dan dilaksanakan sepenuhnya sehingga liabiliti Pelanggan kepada Bank diselesaikan sepenuhnya.

- 7.2. Pelanggan akan menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank kerana menjamin apa-apa endorsemen atau penjelasan apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau surat cara lain yang dikemukakan oleh Pelanggan untuk kutipan, dan setiap jaminan tersebut yang diberikan oleh Bank akan dianggap sebagai telah diberikan atas permintaan yang dinyatakan oleh Pelanggan dalam setiap kes.

8. Hak Tolak Selesai

Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh, pada bila-bila masa dan tanpa notis, menggabungkan dan menyatukan semua atau mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank walau apa pun keterangannya dan walau di mana sahaja lokasinya dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain atau menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah yang masih belum dikreditkan ke dalam mana-mana akaun tersebut termasuk akaun bersama untuk atau bagi menjelaskan apa-apa jumlah yang terhutang kepada Bank di bawah mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank walau apa pun keterangannya dan walau di mana sahaja lokasinya dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain dan Pelanggan dengan ini membenarkan Bank melaksanakan apa-apa penggabungan, penyatuan, tolak selesai atau pemindahan tersebut dengan pertukaran yang perlu pada kadar pertukaran lazim Bank

yang akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlakny.

9. Kaedah & Peraturan Badan Kawal Selia

9.1. Pelanggan bersetuju untuk menerima dan mematuhi apa-apa perubahan atau pindaan pada terma dan syarat seperti yang dinyatakan sebelum ini termasuklah apa-apa terma dan syarat baharu yang mengikut budi bicara Bank boleh dikenakan dari semasa ke semasa. Pelanggan akan dianggap sebagai telah menerima notis perubahan atau pindaan tersebut melalui iklan dalam surat khabar harian negara dan/atau melalui notis yang dipamerkan di premis cawangan Bank di mana akaunnya dikekalkan.

9.2. Walau apa pun terma dan syarat di atas, pembukaan dan pengendalian akaun juga tertakluk kepada amalan perbankan dan undang-undang di Malaysia, kaedah dan peraturan Persatuan Bank-bank dan Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam di Malaysia serta kaedah dan peraturan badan kawal selia yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

10. Perubahan Alamat, Tandatangan atau Butiran

Pelanggan mengaku janji untuk memaklumkan Bank dengan segera secara bertulis tentang apa-apa perubahan alamat atau tandatangan atau butiran lain, dan jika Pelanggan gagal berbuat demikian, Bank akan dilepaskan daripada semua liabiliti setelah apa-apa notis dihantar ke alamat terakhir yang diketahui.

GTC di atas akan terpakai kepada semua jenis akaun / produk / perkhidmatan, dan terma dan syarat khusus yang ditetapkan menurut

dokumen ini akan membentuk sebahagian daripada dan hendaklah dibaca bersama dengan GTC.

TERMA & SYARAT KHUSUS

1. ARAHAN TETAP (SI)

- a. Pelanggan mengaku janji untuk memastikan data yang mencukupi disimpan dalam akaun mereka untuk memenuhi pembayaran yang perlu dibuat.
- b. Walaupun Bank berusaha untuk melaksanakan pembayaran berkala tersebut, Bank tidak bertanggungjawab untuk membuat pembayaran tersebut, dan oleh sebab itu Bank tidak akan menanggung apa-apa liabiliti akibat apa-apa kesilapan, penolakan atau pengabaian untuk membuat semua atau apa-apa pembayaran atau kerana pembayaran lewat atau akibat pengabaian untuk mematuhi apa-apa arahan tersebut.
- c. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank atau mana-mana Cawangan, koresponden atau ejennya tidak akan bertanggung terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi disebabkan oleh apa jua kesilapan atau kelewatan atau kemungkiran semasa menyampaikan atau menghantar apa-apa mesej bagi melaksanakan arahan melalui pos, telefon, kabel atau tanpa wayar, termasuk yang mungkin diakibatkan oleh penggunaan kod atau disebabkan oleh apa-apa tindakan atau dekri yang sah atau yang menyalahi undang-undang oleh mana-mana kerajaan atau agensi kerajaan atau disebabkan oleh kegagalan mana-mana Cawangan, koresponden atau ejen untuk mengenal pasti penerima semasa membuat pembayaran.

- d. Arahan ini tertakluk kepada apa-apa pengaturan yang kini wujud atau yang mungkin selepas ini wujud antara Pelanggan dengan Bank berkaitan dengan akaun Pelanggan atau apa-apa kemudahan perbankan yang disediakan untuk mereka.
- e. Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya menamatkan arahan ini berhubung dengan pembayaran masa depan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Pelanggan atau tanpa memberikan notis pada bila-bila masa seperti yang dimaklumkan oleh penerima yang dinamakan di atas bahawa tiada pembayaran seterusnya diperlukan, atau tanpa memberikan apa-apa sebab berhubung dengannya.
- f. Arahan ini akan terus berkuat kuasa sebagai perlindungan untuk Bank berhubung dengan pembayaran yang dibuat secara jujur walaupun Pelanggan meninggal dunia atau bankrap atau arahan ini dibatalkan melalui apa-apa cara lain sehinggalah notis kematian atau kebangkrutan Pelanggan atau pembatalan tersebut diterima oleh Bank.
- g. Caj komisen / perkhidmatan mengikut kadar lazim Bank akan dilevi bagi setiap pembayaran berkala yang dilaksanakan oleh Bank. Caj ini tidak termasuk bayaran pos sampingan dan/atau duti setem dan caj yang mungkin juga dikenakan oleh Cawangan, koresponden atau ejen anda.
- h. Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya meleviskan caj bagi setiap pembayaran SI yang tidak dilaksanakan kerana kekurangan dana.

- i. Pelanggan seterusnya mengaku janji untuk memaklumkan Bank secara bertulis tentang apa-apa perubahan, pindaan atau pembatalan sekurang-kurangnya satu minggu selepas pembayaran dibuat. Walau bagaimanapun, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan untuk mematuhi pemberitahuan tersebut dan tidak bertanggungjawab untuk memberikan apa-apa sebab kepada Pelanggan.

2. Kad MyDebit

- a. Kad MyDebit yang dikeluarkan akan terus menjadi harta Bank dan Pelanggan hendaklah memulangkan Kad kepada Bank apabila diminta.
- b. Kad dikeluarkan hanya untuk kegunaan Pelanggan sendiri dan tidak boleh dipindah milik, disandarkan atau digunakan dengan cara lain sebagai jaminan untuk apa-apa urusan niaga kredit.
- c. Pelanggan tidak boleh mendedahkan atau menyebabkan Nombor Pengenal Dirinya (PIN) didedahkan kepada mana-mana orang termasuk kakitangan Bank dalam apa jua keadaan. Jika PIN Pelanggan ditemui atau disyaki telah diketahui oleh mana-mana orang lain, maka Pelanggan hendaklah memaklumkan mana-mana cawangan Bank dengan segera dan mengesahkan perkara tersebut secara bertulis.
- d. Jika berlaku apa-apa kehilangan, kecurian atau pemusnahan Kad, Pelanggan hendaklah memaklumkan Bank dengan segera, jika Pelanggan gagal berbuat demikian, dia bertanggungjawab terhadap apa-apa urusan niaga atau penggunaan Kad setakat had RM3,000 bagi

setiap Kad sehari atau jumlah lain seumpamanya yang disemak selepas itu yang boleh dikeluarkan oleh Pelanggan sehari termasuk pindahan dana yang boleh dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, yang dikira secara harian sehingga pemberitahuan tersebut.

- e. Semua Kad yang diganti dan dibaharui hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat yang berkuat kuasa pada tarikh Kad diganti atau dibaharui.
- f. Pelanggan bersetuju dan mengaku janji untuk membayar semua caj tersebut seperti yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya berhubung dengan pengeluaran / penggantian / fi kad tahunan dan untuk urus niaga yang dijalankan oleh Pelanggan dengan menggunakan Kad. Pelanggan hendaklah apabila diminta oleh Bank membayar apa-apa jumlah yang terlebih keluar serta apa-apa faedah padanya yang akan dikira berdasarkan kadar lazim faedah overdraf Bank jika akaun Pelanggan terlebih keluar.
- g. Baki yang dinyatakan dalam akaun Pelanggan yang dipaparkan pada skrin ATM tidak akan termasuk apa-apa deposit yang belum disahkan oleh Bank dan/atau hasil kutipan apa-apa cek atau surat cara boleh niaga yang tidak direalisasikan dan tidak akan termasuk apa-apa cek yang dikeluarkan oleh Pelanggan dan masih belum diproses oleh Bank. Baki yang dipaparkan atau dicetak tidak boleh dianggap sebagai penyata muktamad bagi akaun Pelanggan dengan Bank. Bank boleh dari semasa ke semasa menyatukan urus niaga Kad MyDebit yang dilaksanakan terhadap akaun simpanan Pelanggan dan menunjukkannya dalam buku akaun Pelanggan sebagai dua catatan deposit dan pengeluaran masing-masing.

- h. Pelanggan akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua urusan niaga yang dibuat menggunakan Kad, sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenarannya, dan Pelanggan menerima rekod urusan niaga Bank sebagai muktamad dan mengikat semua tujuan. Pelanggan seterusnya bersetuju untuk menyetujui apa-apa atau semua hak dan remedi terhadap Bank yang berkaitan dengannya. Apa-apa pindahan dana yang dibuat melalui mesin ATM akan dianggap sebagai muktamad dan diselesaikan sebaik sahaja mesin ATM berjaya melaksanakan arahan untuk mendebit akaun Pelanggan dan mengkredit akaun benefisiari.
- i. Pelanggan hendaklah memaklumkan benefisiari tentang pindahan dananya sendiri kerana Bank tidak akan berbuat demikian. Semua urusan niaga yang timbul daripada penggunaan Kad MyDebit untuk mengendalikan akaun bersama yang ditetapkan akan mengikat semua pemegang akaun secara bersesama dan berasingan. Pelanggan tidak boleh menjadikan Bank bertanggungjawab dalam apa jua cara sekali pun terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi atau kecederaan yang timbul daripada penggunaan Kad walau dengan apa cara sekali pun yang disebabkan oleh apa-apa kerosakan mekanikal atau kepincangan tugas ATM atau Kad yang tidak dijelaskan atau selainnya.
- j. Bank berhak pada bila-bila masa membatalkan atau menggantung penggunaan Kad atau enggan mengeluarkan semula, membaharui atau menggantikan Kad tersebut tanpa memberikan apa-apa sebab padanya dengan atau tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Pelanggan tidak boleh menggunakan Kad selepas dia dimaklumkan tentang pembatalan atau penggantungan kadnya oleh Bank dan Pelanggan mengaku janji untuk memulangkan Kad dengan sertamerta kepada Bank setelah menerima pemberitahuan tersebut.

Pelanggan boleh menamatkan Perjanjian ini setelah memberikan notis bertulis atau setelah menutup akaunnya dengan Bank dan Pelanggan dengan ini mengaku janji untuk memulangkan Kad dengan serta-merta kepada Bank.

- k. Dengan mengaktifkan jalur magnet untuk urus niaga Rentas Sempadan, Pelanggan akan
 - I. menerima tanggungjawab sepenuhnya terhadap risiko pengklonan Kad.
 - II. menukar Nombor Pengenalan Dirinya setelah kembali ke Malaysia selepas membuat apa-apa pengeluaran tunai di luar negara (Indonesia, Singapura, Thailand dan China).
 - III. menyemak urus niaga akaunnya setelah kembali ke Malaysia dan menyahaktifkan kemudahan Rangkaian Serantau ATM di mana-mana cawangan Affinbank dan Affin Islamic Bank.

3. AKAUN SEMASA

- a. Cek tidak boleh dikeluarkan atas nama Bank oleh Pelanggan kecuali menggunakan borang yang dibekalkan dan didaftarkan bagi setiap akaun. Permohonan buku cek hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan bercetak atau permohonan bertulis oleh Pelanggan kecuali untuk pengeluaran buku cek awal.
- b. Syarat yang dicetak pada muka hadapan buku cek hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh Pelanggan dan syarat dalam buku cek itu adalah tambahan kepada syarat dalam perjanjian ini.

- c. Pelanggan bersetuju bahawa cek mestilah dikeluarkan sedemikian untuk mengelakkan penambahan atau perubahan selepas dikeluarkan. Cek mestilah ditandatangani sewajarnya mengikut contoh tandatangan yang didaftarkan dengan Bank. Cek mungkin tak laku jika Bank menganggapnya di luar aturan dalam apa-apa cara tanpa apa-apa liabiliti di pihak Bank. Bagi Cek Terlebih Keluar, sila rujuk <http://www.affinbank.com.my/General/Tariff-Charges.aspx> bagi Tarif Caj terkini Affin Bank Berhad.
- d. Semua pindaan mestilah disahkan dengan tandatangan penuh penyuruh bayar mengikut mana-mana yang berkenaan.
- e. Cek yang diubah akan menjadi tak laku jika tiada pengesahan bertulis yang berasingan terlebih dahulu diterima oleh Bank atau jika tiada pengesahan sendiri dibuat kepada Pengurus, Perkhidmatan Bank (MBS). Cek berpaling dengan palang 'Terbuka' hanya boleh dibayar secara tunai apabila dikemukakan untuk pembayaran oleh penyuruh bayar atau ejennya yang diketahui.
- f. Setelah akaun ditutup sama ada oleh Pelanggan atau Bank, semua helaian cek yang tidak digunakan yang dikeluarkan kepada Pelanggan akan menjadi harta Bank dan Pelanggan hendaklah memulangkannya dengan serta-merta kepada Bank. Duti setem yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.
- g. Henti Bayar hanya boleh dilaksanakan jika cek tidak dikemukakan untuk pembayaran. Sebaik sahaja dilaksanakan, henti bayar tersebut akan mengikat Pelanggan. Setem 'Henti Bayar' akan dilekatkan pada muka hadapan cek dan tiada pengemukaan semula cek tersebut akan dibenarkan. Caj pengendalian bagi henti bayar serta

permintaan untuk penyata interim boleh dikenakan. Apabila cek henti bayar dikembalikan pada masa akaun tidak mempunyai dana yang mencukupi, penalti akan dikenakan seperti yang ditentukan oleh Bank.

- h. Sila rujuk <http://www.affinbank.com.my/General/Tariff-Charges.aspx> untuk Tarif Caj terkini Affin Bank Berhad.
- i. Pelanggan mengesahkan dia tidak akan mengeluarkan cek apabila akaunnya tidak mempunyai dana mencukupi pada masa mengeluarkan cek. Jika Bank memulangkan cek atas sebab dana tidak mencukupi atau belum dijelaskan, maka Bank akan mengenakan caj penalti seperti yang ditentukan oleh Bank dan mendebit akaun Pelanggan.
- j. Pelanggan hendaklah, pada bila-bila masa, hanya menggunakan cek yang dikeluarkan oleh Bank untuk digunakan dengan mana-mana Akaun Semasa Bank. Mengikut garis panduan BNM, setiap cek yang dikeluarkan akan dikenakan caj sebanyak RM0.50 berkuat kuasa dari 2 Januari 2015, serta caj Duti Setem semasa sebanyak RM0.15 bagi setiap helaian cek.
- k. Akaun Semasa layak mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

4. AKAUN SIMPANAN

- a. Pengeluaran boleh dibuat oleh Pelanggan apabila diminta pada waktu perbankan di Cawangan di mana akaunnya dikekalkan. Pelanggan juga boleh membuat pengeluaran di mana-mana Cawangan lain Bank

tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat seperti yang mungkin dikenakan oleh Bank.

- b. Semua pengeluaran hanya boleh dilakukan oleh Pelanggan dengan melengkapkan slip pengeluaran yang disediakan oleh Bank, dengan menyatakan nombor akaun, nama akaun dan jumlah yang akan dikeluarkan. Bank berhak menolak pengeluaran wang yang dibuat dalam apa-apa cara lain.
- c. Faedah akan terakru mengikut baki harian dalam akaun pada kadar simpanan lazim Bank atau pada apa-apa kadar seumpamanya yang mungkin diumumkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Faedah yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan setiap bulan.
- d. Akaun Simpanan layak mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Bagi Buku Akaun Simpanan Sahaja

- a. Setiap pemegang akaun akan diberi Buku Akaun Simpanan, yang mestilah dikemukakan, setiap kali mengeluarkan wang atau apabila dikehendaki oleh Bank untuk memasukkan apa-apa faedah atau item yang tidak dicatat. Butiran dalam Buku Akaun adalah sah hanya apabila diparap oleh Pegawai Bank yang diberi kuasa. Pelanggan hendaklah menyemak Buku Akaun selepas setiap urusan niaga sebelum meninggalkan kaunter Bank untuk memastikan butiran yang betul telah dibuat. Jika terdapat lebih daripada 20 urusan niaga tidak dicatat ketika mengemaskinikan Buku Akaun, sistem akan menyatukan semua urusan niaga ke dalam satu (1) debit dan satu (1) kredit dan mencatatkan angka yang disatukan itu dalam Buku Akaun.

- b. Buku Akaun tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diserahkan hak atau disandarkan oleh Pelanggan sebagai jaminan dan lien tidak boleh diwujudkan terhadapnya untuk tujuan yang sama.
- c. Pelanggan hendaklah menyimpan Buku Akaun di tempat selamat. Jika Buku Akaun hilang atau rosak, Pelanggan mestilah memaklumkan Bank secara bertulis dengan segera. Bank akan menggantikan Buku Akaun setelah tanggung rugi dikemukakan kepada Bank dan caj perkhidmatan akan dikenakan seperti yang ditentukan oleh Bank. Sila rujuk <http://www.affinbank.com.my/General/Tariff-Charges.aspx> untuk Tarif Caj terkini Affin Bank Berhad.
- d. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan Buku Akaun oleh Pelanggan yang disebabkan oleh kecuaiannya sendiri dan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa pengeluaran secara menipu dari akaunnya akibat kehilangan tersebut.
- e. Buku Akaun Simpanan layak mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

5. AFFIN PLUS

- a. Faedah akan dikira pada kadar seumpamanya yang boleh ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa dan dikreditkan setiap bulan ke dalam akaun Pelanggan.
- b. Jika Pelanggan mengeluarkan cek apabila dana tidak mencukupi dalam akaunnya, Bank berhak menutup akaun tersebut tanpa apa-apa notis dan mengenakan fi penalti dengan menolak fi tersebut terus dari akaun Pelanggan pada kadar yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.



- c. Affin Plus layak mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

6. JUNIOR SAVER

Semasa memohon untuk membuka Junior Saver, Pelanggan yang layak berhak mendapat manfaat Perlindungan Kemalangan Diri secara percuma. Jumlah diinsuranskan adalah lima (5) kali daripada baki akaun tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50,000 bagi setiap akaun.

a. Orang yang Diinsuranskan

Orang yang Diinsuranskan bermaksud ibu bapa atau penjaga sah yang dinamakan bagi kanak-kanak yang mempunyai akaun Junior Saver dengan ABB, yang akaunnya sentiasa tertakluk kepada baki kredit minimum sebanyak RM3,000.00 pada waktu perniagaan dibuka pada tarikh kemalangan. Jika terdapat lebih daripada seorang ibu atau bapa atau penjaga sah yang dinamakan, manfaat yang perlu dibayar di bawah polisi ini akan dibayar secara pro rata. Jika tidak ada ibu atau bapa atau penjaga sah yang dinamakan bagi kanak-kanak yang berumur 12 tahun dan ke atas, maka Orang yang Diinsuranskan pada masa itu akan dianggap sebagai kanak-kanak yang merupakan pemegang akaun Junior Saver.

b. Perlindungan Kemalangan Diri

Kematian atau Hilang Upaya Kekal akibat kemalangan diri – 5 kali ganda daripada baki kredit dalam akaun Junior Saver berkaitan pada waktu perniagaan dibuka pada tarikh kemalangan, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50,000.00. Setelah kanak-kanak mencapai umur lapan belas (18) tahun, akaun Junior Saver akan diubah kepada akaun simpanan biasa tanpa memberikan notis dan mengikut budi bicara ABB.

c. Junior Saver layak mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

7. Akaun Affin Gold (AGA)

a. Faedah akan dikira pada kadar seumpamanya yang boleh ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa dan dikreditkan setiap bulan ke dalam akaun Pelanggan.

- b. Pilihan sama ada buku akaun, penyata suku tahunan (bermula dari Oktober 2015) atau akaun semasa.

- c. Semasa memohon untuk membuka AGA, Pelanggan yang layak berhak mendapat manfaat Perlindungan Kemalangan Diri (PAC) secara percuma disebabkan oleh kematian atau hilang upaya kekal seperti yang ditetapkan dalam polisi Perlindungan Kemalangan Diri (PAC) yang disebabkan oleh kemalangan diri. Jumlah Diinsuranskan adalah 1 kali ganda daripada baki akaun tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50,000.00 bagi setiap akaun tertakluk kepada had agregat sebanyak RM100,000 bagi setiap orang yang diinsuranskan. Orang yang Diinsuranskan bermaksud Pelanggan berumur 50 tahun hingga 100 tahun yang mempunyai akaun AGA dengan ABB, dengan akaun itu sentiasa tertakluk kepada baki kredit minimum sebanyak RM5,000.00 pada waktu perniagaan dibuka pada tarikh kemalangan. Jika terdapat lebih daripada satu nama berumur 50 tahun hingga 100 tahun dalam akaun yang sama, maka manfaat yang perlu dibayar di bawah polisi ini akan dibayar secara pro rata. Kelayakan Pelanggan di bawah PAC sentiasa tertakluk kepada Pelanggan telah membuat pendedahan sepenuhnya kepada Bank. Bank juga tidak akan membuat pembayaran di bawah PAC jika tuntutan diragui atau terbukti telah dibuat secara menipu/cuai atau mempunyai niat untuk menipu. PAC ialah tuntutan satu kali sahaja. Keputusan Bank untuk membuat pembayaran di bawah PAC adalah muktamad dan mengikat Pelanggan.

- d. Diskaun sebanyak 10% ke atas produk Insurans am / Takaful terpakai dengan syarat pembayaran melalui Arahan Tetap ke atas Annual Smart Traveler, Smart Care Prime, Smart Care VIP, Insurans Pemain Golf dan Smart Home Optimum sahaja.

- e. RM10 akan dikenakan pada setiap bulan Jun & Disember jika purata baki sepanjang tempoh 6 bulan yang lalu kurang daripada RM1,000 bagi akaun semasa AGA sahaja.
- f. Semua terma dan syarat seperti dalam GTC Bank akan terpakai.
- g. Bank boleh meminda atau mengubah apa-apa terma dan syarat AGA dalam perjanjian ini seperti yang dianggapnya sesuai dan syarat yang dipinda itu akan dinyatakan dalam penyata/laman web/media seumpamanya seperti yang dianggap sesuai oleh Bank.
- h. Akaun Affin Gold (AGA) layak mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

8. DEPOSIT TETAP

- a. Kadar yang disebut untuk Deposit Tetap (FD) Ringgit adalah mengikut budi bicara Bank.
- b. Tempoh masa wang boleh diletakkan dalam FD yang menghasilkan faedah adalah dalam tempoh 1 bulan dan dalam gandaan 1 bulan sehingga tempoh 60 bulan.
- c. Jumlah minimum bagi deposit 1 bulan adalah sebanyak RM5,000. Bagi pendeposit individu, Bank akan mempamerkan di premis cawangannya kadar FD bagi tempoh 1 hingga 12 bulan dan akan menerima deposit pada kadar yang diumumkan itu sahaja.
- d. Jika FD ditebus sebelum matang (pengeluaran/penutupan awal), syarat berikut terpakai:

- i. Tiada faedah akan dibayar bagi apa-apa deposit 1 bulan, 2 bulan, 3 bulan yang tidak diteruskan sehingga genap tempoh.
 - ii. Tiada faedah akan dibayar bagi apa-apa FD bertempoh 3 bulan dan ke atas, jika ditebus sebelum genap tempoh 3 bulan tersebut.
 - iii. Selain keadaan yang disebut dalam (i) & (ii) di atas, faedah akan dibayar setelah genap bulan seperti yang berikut:
 - iv. Kadar yang perlu dibayar bagi FD yang ditebus sebelum genap tempoh adalah $\frac{1}{2}$ (separuh) daripada kadar asal yang dijanjikan bagi setiap genap bulan.
 - v. Deposit tetap layak mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans deposit Malaysia (PIDM).
- e. Pembayaran Faedah:
- i. Faedah ke atas FD selama 12 bulan dan ke bawah akan dibayar apabila matang.
 - ii. Faedah interim ke atas FD selama 13 bulan dan ke atas akan dibayar setiap 6 bulan dan apabila matang.
 - iii. Wang yang didepositkan akan dibayar berdasarkan faedah mudah, melainkan dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh Bank.
- f. Pembayaran akan dibuat kepada penandatangani yang diberi kuasa bagi FD setelah mengemukakan pengenalan diri yang sah.
- g. Pengeluaran sebahagian FD mungkin dibenarkan dengan syarat:

- i. Akaun itu ialah akaun individu, bersama atau kanak-kanak.
- ii. Baki FD mestilah lebih daripada RM20,000 selepas pengeluaran atau apa-apa jumlah seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- iii. Pengeluaran dibuat dalam gandaan RM5,000 atau apa-apa jumlah seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- iv. Kadar faedah penalti sebanyak 50% daripada kadar faedah yang dijanjikan akan dikenakan. Kadar ini digunakan ke atas jumlah pengeluaran untuk menentukan faedah yang perlu dibayar.

Jika tiada arahan diterima oleh Bank daripada Pendeposit, maka FD setelah matang akan dibaharui secara automatik pada kadar lazim Bank mengikut syarat FD yang sama.

- h. Menurut “Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2002)”, FD ini akan diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut Bahagian Pengurusan Amanah jika tarikh urus niaga terakhir (termasuk tarikh arahan pembaharuan automatik) lebih daripada 7 tahun.
- i. Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara keterangan fizikal penerimaan FD yang dikeluarkan oleh Pendeposit atau keterangan lain walau apa pun jenis/keterangannya, dengan penyata akaun Bank, maka penyata akaun Bank akan digunakan berhubung dengan ketidakselarasan tersebut.
- j. Keterangan berdokumen Deposit Tetap yang dikeluarkan oleh Pendeposit tidak boleh digunakan untuk membuat tuntutan terhadap Bank dan jika

berlaku apa-apa pertikaian atau percanggahan antara rekod Bank dengan rekod Pendeposit, maka rekod Bank akan digunakan untuk semua niat dan tujuan.

- l. Terma dan syarat dalam perjanjian ini akan tertakluk kepada apa-apa undang-undang dan apa-apa pengubahsuaian lain padanya dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pendeposit secara bertulis dan/atau memasukkan apa-apa pindaan tersebut ke dalam laman webnya dan/atau dengan mempamerkan notis di ruang hadapan bank atau di lokasi utama di cawangannya.
- m. Deposit Tetap layak mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

9. AKAUN SEMASA MATA WANG ASING

- a. Akaun Semasa Mata Wang Asing (FCY) boleh dibuka dengan deposit awal minimum sebanyak USD1,000 atau yang setara dengannya.
- b. Apa-apa akaun boleh dibuka mengikut budi bicara mutlak Bank dan hanya setelah rujukan dan dokumen pengenalan diri serta dokumentasi pembukaan akaun diperoleh dan dilengkapi sepenuhnya dan memuaskan mengikut keperluan Bank.
- c. Tiada buku cek akan dikeluarkan.
- d. Bank boleh mendebit akaun FCY Pelanggan jika ia melebihi had yang ditetapkan di bawah Kawalan Pertukaran Mata Wang di Malaysia. Lebihan itu akan ditukarkan kepada Ringgit pada kadar belian lazim Bank dan

dikreditkan ke dalam akaun Ringgit Pelanggan atau jika Pelanggan tidak mempunyai akaun Ringgit dengan Bank, lebih itu akan ditahan dan/atau diproses oleh Bank dalam cara yang dianggap sesuai dan Pelanggan tidak boleh membuat walau apa pun tuntutan kepada Bank bagi apa-apa kerugian pertukaran/perolehan yang dikenal pasti atau yang terhasil daripadanya dengan cara lain.

- e. Akaun Semasa Mata Wang Asing layak mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

10. AKAUN DEPOSIT TETAP MATA WANG ASING

- a. Deposit wang bagi tempoh tetap (kemudian dari ini dirujuk sebagai “peletakan”) dibenarkan tertakluk kepada terma dan syarat tersebut seperti yang boleh dikenakan oleh Bank termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keperluan jumlah minimum seperti yang ditentukan oleh Bank. Terma dan syarat boleh berubah untuk peletakan atau mata wang yang berbeza dan Bank berhak mengubah terma dan syarat tersebut pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa seperti yang dianggapnya sesuai.
- b. Kadar faedah dan caj lain untuk peletakan Mata Wang Asing akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya dan arahan bertulis untuk memulakan peletakan atau pembaharuan atau pengeluaran dana mestilah genap dua (2) Hari Perniagaan Bank bagi membolehkan urusan dijalankan bagi tempat nilai.
- c. “Hari Perniagaan” bermaksud hari apabila bank di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pusat kewangan utama bagi pusat mata wang yang terlibat dibuka untuk urus niaga. Melainkan dalam penyerahan hak, pindah milik, gadaian atau sandaran bagi peletakan itu demi manfaat Bank sebagai

jaminan, peletakan tidak boleh diserahkan hak, dipindah milik, dicagarkan atau disandarkan sama ada melalui endorsemen pengesahan peletakan Mata Wang Asing atau selainnya.

- d. Pengeluaran pramatang atau peletakan yang dibuat, sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya tidak dibenarkan dengan syarat Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknyanya, membenarkan pengeluaran pramatang selepas pampasan diberikan bagi semua kerugian yang ditanggungnya akibat membenarkan pengeluaran pramatang (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos penggantian bagi peletakan itu).
- e. Akaun Deposit Tetap Mata Wang Asing layak mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).
- f. Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan, percanggahan, kekaburan atau perselisihan antara versi bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris bagi “Terma dan Syarat” ini, maka versi bahasa Inggeris bagi “Terma dan Syarat” ini hendaklah digunakan. Walau apa pun yang dinyatakan sebelum ini, jika Pelanggan meminta versi bahasa Melayu bagi “Terma dan Syarat” dalam perjanjian ini, maka Bank akan menyediakan versi bahasa Melayu bagi “Terma dan Syarat” ini kepada Pelanggan dan jika perjanjian diikat berdasarkan versi ini, maka versi bahasa Melayu bagi “Terma dan Syarat” ini hendaklah digunakan.

11. Fasal Privasi

Pelanggan hendaklah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Affin Bank Berhad & Affin Islamic Bank (“ABG”) dalam laman webnya dan fasal dalam perjanjian ini, seperti yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi.

Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah dianggap sebagai dimasukkan dengan merujuk Perjanjian ini.

Jika Pelanggan menyediakan maklumat peribadi dan/atau maklumat kewangan berkaitan dengan pihak ketiga, termasuklah maklumat berkaitan dengan waris terdekat dan tanggungan mereka (bagi individu) atau maklumat berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan penyedia keselamatan (bagi syarikat) untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan dengan ABG atau dengan cara lain melanggan produk dan perkhidmatan ABG, Pelanggan mengesahkan:

- (i) persetujuan telah diperoleh dan/atau berhak memberikan maklumat ini kepada ABG dan ABG hendaklah menggunakannya menurut perjanjian ini;
- (ii) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan maklumat kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; dan
- (iii) bersetuju untuk memberikan maklumat terkini kepada ABG secara bertulis jika terdapat apa-apa perubahan penting pada maklumat peribadi dan maklumat kewangan tersebut.

Jika Pelanggan meminta ABG melaksanakan apa jua urusan niaga rentas sempadan (termasuk membuat atau menerima pembayaran), butiran berkaitan dengan urusan niaga rentas sempadan (termasuk maklumat berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam urusan niaga tersebut) mungkin diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana maklumat ini boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa di luar negara berhubung dengan tugas sah mereka (contohnya, mencegah jenayah). Jika Pelanggan membenarkan ABG dan/atau ejennya untuk mengikat apa-apa urusan niaga rentas sempadan bagi pihak Pelanggan, maka Pelanggan bersetuju dengan pendedahan yang tersebut di atas bagi pihaknya dan



mereka yang terlibat dalam urus niaga rentas sempadan tersebut.

Selain itu, tetapi sentiasa tertakluk kepada apa-apa undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai kepada ABG (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), Pelanggan bersetuju bahawa ABG, peniaga dan rakan kongsi strategiknya boleh menghubungi Pelanggan tentang produk, perkhidmatan dan tawaran, yang akan menarik minat Pelanggan atau memberikan manfaat kepada Pelanggan dari segi kewangan.

ABG boleh berhubung melalui pelbagai saluran, termasuk telefon, komputer atau surat menggunakan maklumat hubungan yang disediakan oleh Pelanggan.

Walau bagaimanapun, Pelanggan boleh menghubungi ABG pada bila-bila masa jika Pelanggan tidak mahu menerima pemberitahuan pemasaran daripada ABG, ahli lain ABG dan/atau pedagang dan rakan kongsi strategik kami dengan menulis kepada Pengurus Cawangan, Pengurus Hubungan, Eksekutif Hubungan Pelanggan, Eksekutif Khidmat Pelanggan yang menguruskan akaun Pelanggan.

Pelanggan juga boleh menulis kepada:

Pusat Panggilan

Aras 15, Bangunan Affin Bank,

No. P3.4 Persiaran Perbandaran Seksyen 11,

40000 Shah Alam, Selangor

Tel : 03- 55223000

Faks: 03-5511 5625

yang kemudiannya akan mengagihkan permintaan Pelanggan sewajarnya kepada pegawai bertugas untuk menangani perkara tersebut.

Pelanggan mengaku bahawa pemberitahuan tertentu seperti penyata akaun dan laman web ABG yang mengandungi maklumat standard berhubung dengan produk dan perkhidmatan lain tidak boleh dibuang tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk ABG, pengendalian akaun Pelanggan dan/atau kemudahan dengan ABG, dan/atau kos tambahan kepada Pelanggan.

ABG boleh menggunakan agensi rujukan kredit untuk membantu dalam membuat keputusan, sebagai contoh apabila ada keperluan untuk:

- (i) menyemak butiran permohonan kemudahan kredit dan berkaitan kredit atau kemudahan lain;
- (ii) menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan kredit, termasuk mengendalikan semakan portfolio Pelanggan; dan/atau
- (iii) mendapatkan kembali hutang.

Pelanggan akan dipautkan oleh agensi rujukan kredit dengan mana-mana nama lain yang sedang digunakan atau telah digunakan dan mana-mana pemohon bersesama dan berasingan.

ABG juga boleh berkongsi maklumat tentang Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan akaun/kemudahan anda dengan agensi perkadaran atau rujukan kredit yang berkaitan.

ABG dengan ini berhak meminda fasal ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlakny dan hendaklah memberikan pemberitahuan terlebih dahulu kepada Pelanggan secara bertulis dan memasukkan apa-apa pindaan tersebut ke dalam laman webnya dan/atau dengan mempamerkan notis di ruang hadapan bank atau di lokasi utama di cawangannya.

Fasal ini tidak akan menjejaskan apa-apa fasal lain dalam Perjanjian ini atau dalam keperluan kawal selia BNM yang menyediakan pendedahan maklumat.

12. Pelanggan adalah diwajibkan untuk menyatakan data peribadi di dalam mana-mana borang permohonan /deklarasi Bank. Walau bagaimanapun, jika pelanggan tidak mahu untuk mendedahkan apa-apa data peribadi atas sebarang sebab apa pun, Pelanggan adalah bebas untuk menasihatkan Bank bantahan untuk mendedahkan perkara ini dan sebab-sebab itu. Dalam keadaan sedemikian, Bank boleh atau mungkin tidak mengecualikan Pelanggan menyediakan data peribadi selepas menimbangkan sebab yang diberikan.

13. Tunggal akan mengandungi majmuk dan jantina natural akan termasuk rujukan kepada sebuah pertubuhan perbadanan atau mana-mana individu atau orang sama ada lelaki atau wanita. Sekiranya Pelanggan bersama akaun atau pembiayaan, semua liabiliti, ganti rugi atau obligasi di sini akan menjadi bersesama dan berbilang.

14. Cukai

Apa-apa cukai atau levi barangan dan perkhidmatan yang masa kini atau selepas ini dikenakan oleh undang-undang atau dikehendaki dibayar berhubung dengan apa-apa wang yang perlu dibayar kepada atau akan diterima oleh Bank atas apa-apa perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Bank (melainkan dilarang oleh undang-undang) akan ditanggung oleh Pelanggan.

Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak mendebit Akaun Perbankan Pelanggan bagi cukai atau levi tersebut yang perlu dibayar oleh Pelanggan. Jika pendebitan tersebut menyebabkan Akaun Perbankannya terlebih keluar, maka faedah pada kadar lazim Bank akan dikenakan sewajarnya kepada Pelanggan.